



## **SIARAN AKHBAR JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

### **KES TANGKAPAN GERAKAN OPERASI BARANG TEGAHAN KASTAM**

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bersama dengan salah satu agensi Penguatkuasa di negara ini telah menjalankan satu gerakan operasi sepadu di dua lokasi di Kawasan Serasa, Muara.
2. Hasil gerakan operasi yang dijalankan pada hari Sabtu, 25hb Mac 2023, JKED telah berjaya menahan seramai 13 orang lelaki warganegara tempatan dan 10 orang warga asing yang berumur lingkungan 25 hingga 48 tahun yang didapati terlibat dalam kegiatan percubaan menyeludup minyak bersubsidi ke negara jiran. Barang-barang yang telah berjaya ditahan ialah;-
  - i. Melebihi 41,000 liter minyak Diesel;
  - ii. Sebuah kapal jenis Tugboat daripada negara jiran; dan
  - iii. Sebuah kenderaan lori digunakan bagi membawa tangki yang mengandungi minyak.
3. Kesemua barang-barang tegahan terbabit telah dirampas dan individu-individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasa Undang-Undang untuk siasatan lanjut.
4. Bagi mana-mana orang yang terlibat, jika didapati bersalah pada kesalahan pertama akan didenda sebanyak tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND500,000 serta penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Seterusnya bagi kesalahan kedua atau lebih, denda tidak kurang daripada BND20,000 dan tidak melebihi BND500,000 serta penjara tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.
5. JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan Negara ini dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan, sekatan dan juga larangan Kastam. Memiliki barang-barang tegahan Kastam adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.
6. JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED. Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam dengan menghubungi JKED di talian utama JKED: 8714422/8721422 atau pejabat Kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN  
GERAKAN OPERASI SEPADU



